



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 16 OKTOBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	'PASTIKAN BEKALAN TELUR MENCUKUPI', BH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## 'Pastikan bekalan telur mencukupi'



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, membuat tinjauan bekalan barangan keperluan di sebuah pasar raya di Batu Caves, hari ini. - Foto FB ALEXANDER NANTA LINGGI

KUALA LUMPUR: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, memberi amaran keras kepada semua pengeluar telur

untuk memastikan pengeluaran bagi kegunaan domestik dipertingkatkan.

Ini bagi memastikan keberadaan bekalan makanan itu dalam pasaran negara.

Ketika turun padang melihat bekalan barangan di pasar raya Segi Fresh di Batu Caves di sini, hari ini, beliau mengakui bekalan telur berkurangan dan perkara itu diakui pemilik pasar raya yang menyatakan bekalan sukar diperoleh.

Ia berikutan tindakan pengeluar mengeksport telur gred kawalan iaitu gred A, B dan C, sekali gus menyebabkan bekalan telur domestik berkurangan.



buat tinjauan bekalan barangan keperluan di sebuah pasar raya di Batu Caves, hari ini. - Foto FB ALEXANDER NANTA LINGGI

"Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan tanggungjawabnya dalam menyediakan dan menaikkan subsidi kepada penternak dari tiga sen sebiji kepada lapan sen sebiji disebabkan kos pengeluaran meningkat, yang memberi kesan kepada

pengeluaran telur gred A, B dan C.

"Subsidi yang diberi kepada penternak bertujuan memastikan harga kepada pengguna kekal pada harga siling yang ditetapkan kerajaan untuk telur gred A, B dan C," katanya menerusi catatan di Facebook, hari ini.

Walaupun penyaluran subsidi, urusan pengeluaran dan bekalan telur tertakluk di bawah bidang kuasa MAFI, Alexander berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa bekerjasama dengan MAFI dan agensi terbabit bagi memastikan kebajikan pengguna dijaga.

Katanya, pengeluar perlu berintegriti dan menunaikan tanggungjawab seperti dipersetujui dalam beberapa siri perbincangan selepas subsidi tambahan diberi.

Mengenai bekalan barangan menjelang sambutan Deepavali, beliau berkata, bekalan barangan seperti ayam, sayur, minyak dan sebagainya dilihat memuaskan dengan harga jualan mematuhi harga maksimum ditetapkan kerajaan.

"Senarai harga dan barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali serta tempoh kawalan akan diumumkan kelak.

"Harga ditetapkan adalah munasabah berdasarkan data pergerakan harga barang yang dikumpul secara berterusan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dan Bahagian Harga Barang Negara, berserta input penggerak industri dan agensi berkaitan," katanya. – BERNAMA